

Nama Tingkatan

Sekolah

MODUL PINTAS 2019

TINGKATAN 5

1223/1

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Ogos/September

2 jam

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B**.*
2. ***Bahagian A** mengandungi **40 soalan**. Jawapan anda hendaklah menggunakan ruangan jawapan yang disediakan di halaman 15.*
3. ***Bahagian B** mengandungi empat soalan subjektif. Jawab **tiga** soalan: **Soalan 1, Soalan 2, dan mana-mana satu soalan daripada Soalan 3 atau Soalan 4**. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam helaian tambahan yang disediakan.*
4. *Tulis **nama** dan **tingkatan** pada ruangan yang disediakan di halaman 15.*
5. *Ceraikan kertas jawapan di halaman 15 daripada kertas peperiksaan. Calon ada pilihan sama ada mencantumkan kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dengan menggunakan stapler atau menebu lubang kemudian ikat dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

Bahagian A

[40 markah]

*Jawab semua soalan.***Soalan 1 hingga Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C, dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

1 Pilih pernyataan yang betul akibat perbuatan nifak.

- A** Menjadi penghuni neraka selama-lamanya.
- B** Sukar menerima pandangan orang lain.
- C** Menghancurkan kekuatan umat Islam.
- D** Membazir masa, tenaga dan harta.

- Merendahkan maruah diri dan keluarga.
- Merebaknya penyakit yang merbahaya.
- Meruntuhkan institusi kekeluargaan.

2 Pernyataan di atas merujuk kepada akibat _____.

- A** membunuh diri
- B** minum arak
- C** qazaf
- D** zina

3 Antara berikut yang manakah iktikad Syiah Zaidiah?

- A** Beriktikad kedudukan pelaku dosa besar berada antara keimanan dan kekufuran.
- B** Beriktikad bahawa Saidina Ali Karamallahu Wajhah dan imam-imam mereka sebagai tuhan.
- C** Beriktikad bahawa segala perkara yang berlaku di alam ini terjadi dengan kebijaksanaan Allah.
- D** Beriktikad bahawa jawatan imam adalah jawatan yang dianugerahkan oleh Allah seperti kenabian.

4 Pilih pernyataan yang **benar** mengenai musahaqah.

- A Perbuatan yang boleh memisahkan roh daripada jasad.
- B Pelakunya akan disebat 80 kali jika sabit kesalahan.
- C Hubungan sejenis perempuan dengan perempuan.
- D Menyebabkan hilangnya hak mewarisi harta.

5 Ciri-ciri berikut berkaitan kesesatan ajaran Bahai **kecuali**

- A Menolak kewujudan mukjizat dan malaikat.
- B Solat secara niat tanpa rukun qauli dan fi'li.
- C Beriktikad bahawa alam ini bersifat kekal.
- D Beriktikad bahawa Nabi Isa mati disalib.

- Mengingatkan semula tempat pertemuan Nabi Adam dan Hawa setelah berpisah.
- Menimbulkan keinsafan bahawa manusia adalah sama di sisi Allah.

6 Pernyataan di atas merupakan hikmah bagi _____.

- A bercukur
- B wukuf
- C tawaf
- D saie

7 Pilih jenis-jenis tawaf yang tepat.

- A Ifadah, wusta dan arafah
- B Aqabah, qudum dan miqat
- C Wadak, ifadah dan qudum
- D Arafah, aqabah dan wadak

Tempoh iddahnya selama 3 bulan.

8 Situasi di atas merujuk kepada tempoh iddah perceraian hidup bagi _____.

- A isteri yang belum disetubuhi
- B isteri yang telah putus haid
- C isteri yang tidak hamil
- D isteri yang hamil

- Menghadapkan binatang ke arah kiblat.
- Memilih binatang yang gemuk.

9 Pernyataan di atas merujuk kepada _____.

- A sunat sembelihan
- B sunat muakkad
- C sunat korban
- D sunat akikah

Membela anak yatim dan wanita.

10 Antara yang berikut yang manakah berkaitan dengan pernyataan di atas?

- A Anak angkat
- B Hadhanah
- C Poligami
- D Zihar

- Dilahirkan di Sumatera Barat.
- Pengarang kitab Tafsir al-Azhar.
- Meninggal dunia pada tahun 1981.

11 Pernyataan di atas merujuk kepada tokoh _____.

- A Sheikh Tahir Jalaluddin
- B Sheikh Muhammad Abduh
- C Sayyid Jamaluddin al-Afghani
- D Haji Abdul Malik bin Sheikh Abdul Karim

12 Antara yang berikut yang manakah dilakukan pada 11 Zulhijah bagi jemaah haji?

- I Bermalam di Mina
 - II Melontar jamrah
 - III Niat ihram
 - IV Wukuf
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

13 Bidang ilmu berteraskan wahyu berikut diterokai pada zaman bani Abbasiah **kecuali**

- A hadis.
- B fekah.
- C tafsir.
- D falak.

- Berjaya mengumpulkan 600 ribu hadis.
- Mengarang kitab al-Jamiul Sahih.
- Digelar Amirul Mukminin dalam bidang hadis.

14 Pernyataan di atas merujuk kepada sumbangan _____.

- A Imam Malik rahimahullah
- B Imam Shafii rahimahullah
- C Imam Ahmad rahimahullah
- D Imam Bukhari rahimahullah

15 Berikut merupakan perkara yang telah dilaksanakan oleh khalifah Umar bin Abdul Aziz **kecuali**

- A menghapuskan cukai jizyah dari golongan Mawali.
- B membesarkan angkatan tentera darat dan tentera laut.
- C meminta supaya hadis Rasulullah ditulis dan dibukukan.
- D memberhentikan penguasaan wilayah dan digantikan dengan kerajaan Islam.

16 Nukman bin Thabit ialah nama sebenar bagi _____.

- A Imam Abu Hanifah rahimahullah
- B Imam al-Ghazali rahimahullah
- C Imam Malik rahimahullah
- D Imam Ahmad bin Hanbal

17 Rakyat _____ mentaati pemimpin selagi tidak menyalahi syarak.

- A wajib
- B harus
- C sunat
- D makruh

- Tidak berbahaya.
- Terdapat peraturan yang jelas.
- Terdapat alat pemadam api.

18 Pernyataan di atas merujuk kepada ciri tempat rekreasi yang baik dari aspek _____.

- A kelestarian
- B keselamatan
- C keistimewaan
- D kemudahan fizikal

19 Antara yang berikut yang manakah **bukan** peringkat jihad?

- A Jihad melawan syaitan.
- B Jihad memperbaiki diri.
- C Jihad menyihatkan badan.
- D Jihad menghapuskan kezaliman.

20 Islam menggariskan adab dalam bermiaga bertujuan untuk _____.

- A memastikan keuntungan yang maksimum
- B mendapatkan keseronokan dalam perniagaan
- C mengelakkan perasaan cemburu sesama peniaga
- D memastikan perniagaan dapat berjalan dengan baik

Soalan 21 hingga Soalan 34

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 21 Qazaf ialah menuduh seorang yang baik melakukan zina tanpa _____ orang saksi lelaki yang adil.
- 22 Melakukan perbuatan yang boleh memisahkan _____ daripada jasad sendiri adalah haram.
- 23 _____ bertujuan untuk memberi perlindungan ke atas risiko kematian, hilang upaya dan kerugian pendapatan.
- 24 Salah satu perbezaan antara Syiah Zaidiah dan Syiah Imamiah ialah penolakan dan penerimaan amalan _____.

Dam yang perlu dibayar mengikut susunan dan nilai harga dam.

- 25 Pernyataan di atas merujuk kepada definisi bagi dam _____.
- 26 Kesalahan yang dikenakan hukuman tertentu di dunia dan amaran azab di akhirat merujuk kepada pengertian _____.

Sifat Pendakwah	Berilmu
	X
	Berakh�ak mulia

- 27 X dalam rajah di atas ialah _____.
- 28 Pengertian _____ ialah berjalan berulang-alik dari bukit Safa ke Marwah sebanyak tujuh kali.

Kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum penjara sehingga 3 tahun atau denda RM5000 atau sebat enam rotan atau kedua-duanya sekali.

29 Pernyataan di atas merujuk kepada bidang kuasa _____ mahkamah syariah.

- Perempuan.
- Perempuan yang mahram dengan sebab nasab.

30 Pernyataan di atas merupakan syarat bagi _____ dalam zihar.

31 Daging korban sah untuk dikongsi di kalangan _____ orang bagi seekor lembu, kerbau dan unta.

32 Syarat cukup umur bagi kibasy di dalam ibadat korban ialah _____ tahun atau lebih.

33 _____ ialah jawapan penerimaan yang diucapkan oleh bakal suami.

34 Imam _____ merupakan pelopor kepada golongan sufi.

Soalan 35 hingga Soalan 37

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang betul berkaitan khalifah kerajaan Abbasiah yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

Abu Jaafar al-Mansur	Abu Abbas al-Saffah	Harun al-Rasyid	Al - Makmun
----------------------	---------------------	-----------------	-------------

- 35 Memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar cemerlang. _____
- 36 Menyediakan pasar-pasar di tempat-tempat yang strategik. _____
- 37 Pengasas kerajaan Abbasiah. _____

Soalan 38 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual di bawah.

wajib	sunat	harus	makruh	haram
-------	-------	-------	--------	-------

- 38 Hak hadhanah _____ dilaksanakan walaupun berlaku perceraian antara suami dan isteri.
- 39 Walimatul urus yang terdapat di dalamnya unsur hiburan seperti pertunjukan silat dan kompong adalah _____.
- 40 _____ menggunakan alat atau pisau yang tumpul ketika menyembelih.

Bahagian B

[60 markah]

*Jawab tiga soalan.***Soalan 1, Soalan 2 mesti dijawab dan pilih mana-mana satu soalan daripada Soalan 3 atau Soalan 4.**

- 1 (a) Riddah membatalkan keimanan seorang mukmin kepada Allah SWT.
- (i) Apakah pengertian riddah? [2 markah]
(ii) Nyatakan **dua** cara berlakunya riddah. [2 markah]
(iii) Terangkan **dua** langkah untuk menangani orang murtad daripada berleluasa dalam masyarakat. [4 markah]
- (b) Taubat ialah kembali semula taat kepada Allah setelah menyesal melanggar perintah Allah atau larangannya.
- (i) Nyatakan **dua** syarat taubat agar diterima oleh Allah SWT. [2 markah]
(ii) Terangkan **dua** kesan taubat kepada kehidupan Muslim. [4 markah]
- (c) (i) Nyatakan pengertian Syiah. [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** pegangan Syiah Batiniyah. [4 markah]

- 2 (a) Di antara rukun jual beli ialah penjual dan pembeli.
- (i) Senaraikan **dua** rukun jual beli yang lain. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** syarat penjual dan pembeli bagi urusan jual beli. [2 markah]
- (iii) Perniagaan adalah salah satu cabang untuk mengumpul harta kekayaan. Hakikatnya 9/10 punca kekayaan datang dari sumber perniagaan.
Berdasarkan pernyataan di atas,uraikan pandangan anda bagaimanakah untuk memastikan hasil tersebut mendapat keberkatan Allah SWT. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan pengertian fasakh. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** sebab yang membolehkan isteri menuntut fasakh. [4 markah]
- (c) Talak merupakan perkara yang dibenci oleh Allah SWT.
- (i) Jelaskan hukum talak. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** hikmah talak kepada isteri. [4 markah]

- 3 (a) Kerajaan Khulafa al-Rasyidin adalah kesinambungan daripada kerajaan Islam Madinah pimpinan Nabi Muhammad SAW.
- (i) Nyatakan **dua** ciri kepimpinan Khulafa al-Rasyidin. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** polisi pentadbiran Khalifah Umar bin al-Khattab. [4 markah]
- (b) Ibnu Khaldun merupakan negarawan yang banyak menabur jasa untuk negara.
- (i) Nyatakan **dua** jawatan penting yang disandang oleh beliau. [2 markah]
- (ii) Jelaskan sumbangan beliau dalam bidang ilmu dan pemikiran Islam yang amat bernalilai kepada tamadun manusia. [2 markah]
- (c) Umat Islam digalakkan ziarah-menziarahi antara satu sama lain untuk mengeratkan silaturahim apatah lagi apabila berlaku kematian.
- (i) Jelaskan **dua** adab menziarahi jenazah yang dituntut oleh Islam. [4 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** contoh perbuatan yang dilarang ketika menziarahi jenazah. [2 markah]
- (iii) Kita hendaklah sentiasa menjaga adab ketika menziarahi jenazah.
Berdasarkan pernyataan di atas, berikan hujah anda mengapa kita dituntut berbuat demikian? [4 markah]

- 4 (a) Pendidikan merupakan asas yang terpenting dalam pembinaan kerajaan Abbasiah semenjak permulaan penubuhannya.
- (i) Nyatakan **dua** faktor utama perkembangan ilmu pengetahuan pada zaman tersebut. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan perkembangan ilmu pada zaman tersebut dalam membina tamadun. [4 markah]
- (b) Imam Syafii rahimahullah merupakan seorang tokoh terkemuka dalam ilmu fikah dan usul fiqh.
- (i) Nyatakan **dua** hasil karya beliau yang masyhur. [2 markah]
- (ii) Jelaskan bukti kehebatan yang menunjukkan beliau seorang ulama yang pintar dan cerdik akal fikiran. [2 markah]
- (c) Amalan suka bersedekah adalah satu amalan yang mulia dan terpuji.
- (i) Nyatakan **dua** adab memberi hadiah dan sedekah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kelebihan bersedekah. [4 markah]
- (iii) Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah anda membudayakan amalan tersebut dalam kehidupan sebagai seorang murid? [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

Nama Tingkatan

1	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	21	_____
2	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	22	_____
3	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	23	_____
4	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	24	_____
5	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	25	_____
6	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	26	_____
7	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	27	_____
8	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	28	_____
9	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	29	_____
10	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	30	_____
11	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	31	_____
12	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	32	_____
13	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	33	_____
14	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	34	_____
15	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	35	_____
16	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	36	_____
17	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	37	_____
18	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	38	_____
19	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	39	_____
20	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	40	_____

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1 hingga 40	40	
B	1	20	
	2	20	
	3	20	
	4	20	
Jumlah		100	

